

KENYATAAN MEDIA

TEKUN BANTU PENGUSAHA TEKSI YANG TERJEJAS DENGAN PENULARAN WABAK COVID 19

PUTRAJAYA, 6 Oktober 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui TEKUN Nasional telah mengambil inisiatif memberi pembiayaan kepada pemandu / pengusaha teksi Airport Limo yang terjejas ekoran daripada pandemik COVID -19. Pembiayaan yang diberikan kepada pemandu teksi ini meliputi keperluan untuk modal penyelenggaraan, pemasangan NGV, ubah suai, kit Covid 19 dan juga sebagai deposit atau bayaran pendahuluan untuk pembelian teksi.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ketika ditemui berkata, “pembiayaan yang diberikan ini akan dapat membangunkan lebih ramai pemandu teksi bagi menjalankan perkhidmatan teksi yang menjadi salah satu sumber pendapatan golongan sasaran B40 seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada mereka menjana pendapatan”.

“Inisiatif ini juga akan dapat membantu pemandu teksi menyediakan teksi yang berkualiti setanding dengan perkhidmatan teksi negara maju kerana teksi Airport Limo beroperasi dipintu masuk utama negara iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang KLIA 2”, tambah beliau.

Sehingga kini TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM36.09 juta kepada 4,526 orang pemandu / pengusaha teksi di seluruh negara.

Pada hari ini seramai 53 orang pemandu / pengusaha teksi Airport Limo (M) Sdn. Bhd di bawah Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi / Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (PETEKMA) telah menerima pembiayaan yang keseluruhannya berjumlah RM106,000.00 yang disampaikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dalam satu majlis yang berlangsung di Kompleks Nasyrul Quran, Putrajaya.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga Ogos 2020, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada 465,622 orang usahawan dengan nilai RM6.19 bilion di seluruh negara. Ini menunjukkan kerajaan melalui TEKUN Nasional sememangnya komited dalam membantu usahawan Bumiputera.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

6 OKTOBER 2020